

Title: MSM hadapi tekanan luaran

Page: UtusanBiz / 15

MSM hadapi tekanan luaran

KUALA LUMPUR 21 Feb. - Tekenan harga gula mentah yang tinggi dan penyusutan mata wang, antara dua faktor utama yang mempengaruhi prestasi kewangan MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) sepanjang 2017.

Syarikat gula bertapis terbesar negara yang juga anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) itu mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM27.03 juta pada suku keempat 2017, peningkatan sebanyak 12.0% berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.

Bagi tahun kewangan tersebut, MSM mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM15.81 juta disebabkan oleh peningkatan purata kos gula mentah sebanyak 20 peratus manakala kenaikan mendadak sebanyak 37 peratus bagi harga asas pasaran gula mentah untuk perbandingan tempoh awal tahunan 2016 dan 2017.

Menurut Pengarah Eksekutif MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz (gambar), ketika dolar Amerika Syarikat (AS) memuncak kepada RM4.5002 pada Januari 2017 (berbanding purata kadar pasaran RM4.1669 pada 2016) dan penurunan nilai mata wang tempatan menjurus kepada peningkatan harga gula mentah yang ketara sebanyak 9.59 peratus dari segi ringgit untuk setiap metrik berbanding 2016.

Katanya, disebabkan waktu pembayaran gula mentah terakhir MSM berlaku sebelum kejatuhan drastik dolar AS berbanding ringgit pada pertengahan November 2017, kadar pembelian nilai mata wang dolar AS masih tinggi sebanyak 1.05 peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya.

"Scenario tidak dapat dikawal serta dibentuk oleh faktor pasaran luar ini telah meningkatkan kos pengeluaran sebanyak 14 peratus berbanding 2016. Secara tidak langsung, keadaan ini

mempengaruhi prestasi kewangan tahunan disebabkan lebih daripada 80 peratus kos operasi MSM berasaskan harga pasaran gula NY#1 (yang diniagakan dalam dolar AS) dan kebergantungan MSM pada 100 peratus gula mentah import.

"Secara purata, perbelanjaan gula mentah tahunan dianggarkan sebanyak AS\$456 juta (RM1.78 bilion). Atas dasar ini, kita amat terdedah kepada ketidaktentuan harga dan risiko dagangan di pasaran hadapan.

"Walaupun fakta ini tidak berpijak pada kami, namun rasa tanggungjawab dan komitmen untuk memastikan bekalan gula yang mencukupi, tugas ini dijalankan dengan pengukuhan polisi bagi urusan lindung nilai secara strategik supaya kerugian dikurangkan, mengelakkan kontrak yang menjurus kepada kerugian dan mencari peluang untuk memperoleh harga purata tahunan yang lebih baik di pasaran," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

MSM mencatat perolehan lebih kukuh sebanyak RM2.67 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 berbanding RM2.66 bilion dalam tempoh sama tahun lalu. Peningkatan perolehan sebanyak 0.3 peratus disebabkan peningkatan harga purata penjualan sebanyak 16.5 peratus dan pengurangan jumlah jualan keseluruhan sebanyak 12 peratus pada 2017.

Khairil Anuar berkata, pada masa hadapan, MSM memberi tumpuan kepada beberapa inisiatif pertumbuhan yang berpotensi dalam pasaran Asia Tenggara sejarar dengan pelan strategik yang telah diluluskan.

Katanya, pelaburan sebanyak AS\$259 juta (RM1.01 bilion) untuk kilang penapisan gula terbesar Malaysia di Tanjung Langsat, Johor dijangka memperoleh petaulahan pada separuh pertama tahun ini.



GULA
MSM
PRAI